

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [ PASIR MAS - PAS ]**

**TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 97)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah kos sebenar projek penambahbaikan prasarana pusat sukan pelayaran di Langkawi dan adakah dengan perkembangan terkini projek tersebut negara bersedia untuk menghadapi Kejohanan Pelayaran Belia Dunia (ISAF) pada akhir 2015 akan datang.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahbaikan terhadap Kompleks Perahu Layar (Kebangsaan) Langkawi telah dilaksanakan secara berperingkat. Pada ketika ini kerja-kerja mengecat keseluruhan luaran bangunan termasuk keseluruhan atap telah dilaksanakan pada tahun 2013 manakala perancangan penambahbaikan pada tahun 2014 adalah cadangan pemasangan penghawa dingin di keseluruhan bilik-bilik di kompleks tersebut.
  
2. Bagi menghadapi Kejohanan Pelayaran Belia Dunia (ISAF) 2015, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) akan membuat kerja-kerja penambahbaikan dengan anggaran kos keseluruhannya bernilai RM 5 juta. Kerja-kerja penambahbaikan tersebut adalah :-
  - a. Kerja-kerja menambak laut untuk meluaskan kawasan sedia ada bagi menampung jumlah bot yang mengambil bahagian dalam sesuatu kejohanan.
  - b. Menaiktaraf 'ramp' sedia ada dan memanjangkan 'ramp' tersebut setelah kerja-kerja menambak laut diperluaskan.
  - c. Membina 'pontoon' untuk menambat bot jurulatih.
  - d. Membina sebuah rumah kren untuk kemudahan menaik dan menurunkan bot jurulatih.
  - e. Kemudahan 'winch' untuk menarik bot kecil yang digunakan semasa kejohanan berlangsung.

**SULIT**

3. Kerja-kerja penambahbaikan yang dinyatakan akan diberi sepenuh perhatian dan tindakan oleh pihak Kementerian malahan ianya juga di dalam perancangan Kementerian dalam menghadapi Temasya Sukan SEA 2017 yang akan dianjurkan di negara kita.

Sekian, terima kasih.